



UNIT PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUK.NS.700-9/11/8 (21)
Tarikh : 23 Mei 2018

KENYATAAN SEBUT HARGA UNIT PERUMAHAN


Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam gred **G2** dalam kategori pengkhususan **CE19** atau **CE38**, **CIDB PEROLEHAN KERAJAAN** dan **SIJIL PERMIT SPAN IPA TYPE C3** atau **D (PEMBETUNGAN)** yang masih sah laku dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

UP 12/2018 Kerja-Kerja Membaikpulih Communal Septic Tank (CST) dan Kerja- Kerja Berkaitan Di Rumah Rakyat Sg Layang II , Daerah Rembau, Negeri Sembilan.

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Rumah Rakyat Sg Layang II** dan berkumpul di **Hadapan Rumah Rakyat Sg Layang II** untuk taklimat dan lawatan ke tapak (**Wajib**) pada **30 Mei 2018 (Rabu) jam 10.30 pagi**. Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **30 Mei 2018 (Rabu) jam 3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **asal** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari 2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari 2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **6 Jun 2018 (Rabu) jam 12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Unit Perumahan (UP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. **Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.**
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(**MOHD FAZLI BIN ABDUL JALIL**)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Perumahan